## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 24 MEI 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6. | KARTEL DAGING:2 PEGAWAI MAQIS MENGAKU SALAH, DALAM NEGERI, UM-13<br>4 PEGAWAI MAQIS, PENGURUS SYARIKAT LOGISTIK DIDAKWA, NASIONAL, BH-15<br>LIMA 'DIHERET' KE MAHKAMAH, LOKAL, HM-23<br>4 PEGAWAI MAQIS DIDAKWA, MAHKAMAH&JENAYAH, SH-22<br>FOUR MAQIS OFFICER CHARGED, COURTS, NST-10<br>FIVE CHARGED WITH GRAFT IN MEAT CARTEL CASE, NATION, THE STAR-7 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 7.<br>8.<br>9.<br>10. | PEGAWAI PERIKANAN DITUDUH TERIMA SUAPAN RM31,425, NASIONAL, BH-PEGAWAI<br>PERIKANAN DITUDUH SALAH GUNA KUASA, MAHKAMAH & JENAYAH, SH-22<br>FISHERIES OFFICER CLAIMS TRIAL TO BRIBERY, NATION, 13, NST<br>TAK MENGAKU AMBIL 'DUIT KOPI', LOKAL, HM-22 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15. | 4 NELAYAN CEMAS BOT PUKAT TUNDA HAMPIR KARAM, DALAM NEGERI, UM-29<br>PROJEK UDANG JEJAS PENDAPATAN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM-30<br>"GELAP PUN GELAPLAH..' DALAM NEGERI, UM-31<br>BIDA HASIL LAUT DALAM TALIAN, COVID-19, HM-16<br>GOF: 60,000KG SMUGGLED RICE SEIZED LAST YEAR, NEWS IN BRIEF, NST-15 | LAIN -LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 13 |

# Kartel daging: 2 pegawai Maqis mengaku salah

**Oleh KHAIRUL MOHD ALI**
utusannews@mediamulia.com.my

**JOHOR BAHRU:** Empat pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan seorang pengurus dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas 10 pertuduhan melibatkan jenayah kartel daging antara Disember 2016 hingga Disember tahun lalu.

Tertuduh, Penolong Pegawai Penguasa Maqis, Nor Azlan Mat Suki, 40; Mohd. Hafizan Khalid, 44, dan pengurus ejen penghantaran, Abdul Latif A. Rahman, 55, membuat pengakuan tidak bersalah.

Dua lagi tertuduh iaitu pegawai Maqis, Khairul Izat Sulaiman, 31, dan Mohammad Sofyan Mohd. Zaim, 27, mengaku bersalah. Kesemua tertuduh membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Mengikut pertuduhan, Nor Azlan dan Mohd. Hafizan didakwa dengan lima serta satu pertuduhan masing-masing menerima rasuah berjumlah RM37,500 bagi melepaskan 41 kontena yang membawa daging sejuk beku milik Syarikat ZS Amin Sdn. Bhd. dari negara yang tidak diiktiraf Jabatan Veterinar Malaysia.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di dua buah restoran di Nusajaya dan Johor Bahru antara Disember 2016 hingga Mac 2017.

Bagi kesalahan itu mereka didakwa mengikut Seksyen 16(a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama dan memperuntukan hukuman penjara sehingga 20 tahun dengan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



**ANTARA pegawai Maqis Johor yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen berhubung rasuah dalam isu kartel daging antara Disember 2016 hingga Disember 2020 di Johor Bahru, Johor. – UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM**

Bagi Abdul Latif pula, dia didakwa atas dua pertuduhan pilihan iaitu memalsukan dokumen yang digunakan sebagai tulen iaitu Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport dari Syarikat LY Frozen Sdn. Bhd. bertarikh 5 Oktober dan 9 November tahun lalu di Wisma Kastam Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah pada tarikh tersebut.

Dia didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun yang sama, jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Sementara itu, Khairul Izat dan Mohammad Sofyan mengaku bersalah atas pertuduhan gagal melaporkan pemberian sogokan masing-masing RM100 serta RM30 daripada Abdul Latif sebagai ejen penghantaran QFF Logistic Sdn. Bhd. bagi mempercepatkan proses pemeriksaan dokumen dan fizikal konsainan.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat Maqis, Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah pada 5 Oktober dan 10 November tahun lalu. Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 25(2) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan mereka boleh didenda hingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24.05.2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 15 |

Kartel seludup daging

# 4 pegawai MAQIS, pengurus syarikat logistik didakwa

## Tiga tak mengaku salah tuduhan rasuah, kemuka butiran palsu

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Empat penolong pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan seorang pengurus syarikat logistik, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tuduhan rasuah dan mengemuka butiran palsu berhubung kes kartel daging.

Dua tertuduh, Nor Azlan Mat Suki, 40 dan Mohd Hafizan Khalid, 44, yang juga Penolong Pegawai Penguat Kuasa MAQIS, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Nor Azlan dan Mohd Hafizan masing-masing didakwa atas lima serta satu pertuduhan menerima rasuah bernilai RM37,500 bagi melepaskan 41 kontena yang membawa daging sejuk beku milik Syarikat ZS Armin Sdn Bhd, dari negara tidak diiktiraf Jabatan Veterinar.

Kesalahan berkenaan masing-masing dilakukan di restoran di Iskandar Puteri dan Johor Bahru, di antara Disember 2016 hingga April 2017.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



*Empat penolong pegawai penguat kuasa MAQIS dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.* (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

Seorang pengurus syarikat logistik, Abdul Latif A Rahman, 55, turut mengaku tidak bersalah, terhadap dua pertuduhan pilihan dengan memalsukan dokumen Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport, pada Oktober lalu.

Bagi dua pertuduhan pilihan itu, Abdul Latif, didakwa memalsukan dokumen Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport, bagi Syarikat LY Frozen Sdn Bhd, dengan nama dan tandatangan pembuat akuan yang sebenarnya sudah meninggal pada 2009, bagi mengelirukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Kesalahan itu dilakukan di Wisma Kastam Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Iskandar Puteri masing-masing pada 5 Oktober dan 9 November tahun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPRM, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butiran palsu atau RM10,000, mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Dalam pada itu, dua lagi Penolong Pegawai Penguat Kuasa MAQIS Gred KP29, Mohammad Sofyan Mohd Zin, 27, dan Khairul Izat Sulaiman, 31, mengaku bersalah, masing-masing atas pertuduhan gagal melaporkan penerimaan rasuah bernilai RM130, Oktober lalu.

Mohammad Sofyan dan Khairul Izat masing-masing dituduh gagal melaporkan menerima rasuah RM30 dan RM100 daripada Abdul Latif sebagai ejen penghantaran QFF Logistic Sdn Bhd, bagi mempercepat proses pemeriksaan dokumen dan fizikal konsainan.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di pejabat MAQIS, Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah, pada 5 Oktober dan 10 November tahun lalu.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009, yang membawa hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Hakim memerintahkan Nor Azlan dan Mohd Hafizan masing-masing diberi jaminan RM7,000, manakala Abdul Latif RM8,000 serta Mohammad Sofyan RM5,000.

Mahkamah turut menetapkan 29 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi penyerahan dokumen.

Dalam pada itu, Khairul Izat didenda RM1,500 atau sebulan penjara jika gagal bayar denda, selepas mengaku bersalah atas kesalahan gagal melaporkan penerimaan rasuah RM100.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail membuat keputusan berkenaan selepas berpuas hati dengan mitigasi dilakukan Suhaili dan peguam, S Selvam.

Mengikut fakta kes, Khairul Izat menerima rasuah RM100 daripada Abdul Latif, sebagai balasan meluluskan konsainan import yang dilabel *frozen beef body fat* pada 10 November tahun lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 23 |

KES KARTEL DAGING

# Lima 'diheret' ke mahkamah

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru**

Empat penolong pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) serta seorang pengurus syarikat logistik didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 10 pertuduhan membabitkan kes kartel daging sejuk beku antara Disember 2016 hingga Disember 2020.

Tertuduh, Nor Azlan Mat Suki, 40, dan Mohd Hafizan Khalid, 44, yang juga penolong pegawai penguat kuasa Maqis, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Dua lagi rakan sekerja mereka bergred KP29 iaitu Mohammad Sofyan Mohd Zin, 27, dan Khairul Izat Sulaiman, 31, mengaku bersalah terhadap tuduhan dengan Ahmad Kamal memutuskan hukuman denda RM1,500 atau sebulan penjara ke atas Khairul Izat.

Sementara, pengurus syarikat logistik, Abdul Latif A Rahman, 55, mengaku tidak bersalah terhadap dua pertuduhan pilihan, memalsukan dokumen Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport pada Oktober lalu.

Nor Azlan dan Mohd Hafizan masing-masing menghadapi lima serta satu pertuduhan menerima rasuah bernilai RM37,500 bagi melepaskan 41 kontena yang membawa daging sejuk beku milik Syarikat ZS Armin Sdn Bhd dari negara yang tidak diiktiraf Jabatan Veterinar.

Kesalahan itu masing-masing dilakukan di sebuah restoran di Iskandar Puteri dan Johor Bahru antara Disember 2016 hingga April 2017 dan mereka didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Abdul Latif didakwa memalsukan dokumen Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport bagi Syarikat LY Frozen Sdn Bhd dengan nama dan tandatangan pembuat akuan yang sebenarnya sudah meninggal dunia pada 2009, bagi mengelirukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Kesalahan itu dilakukan di Wisma Kastam Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) Gelang Patah, Iskandar Puteri masing-masing pada 5 Oktober dan 9 November tahun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butiran palsu atau RM10,000 mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Bagi Mohammad Sofyan dan Khairul Izat, masing-masing didakwa atas pertuduhan gagal melaporkan penerimaan rasuah RM30 serta RM100 daripada Abdul Latif sebagai ejen penghantaran QFF Logistic Sdn Bhd bagi mempercepatkan proses pemeriksaan dokumen dan fizikal konsainan.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di pejabat Maqis, Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah pada 5 Oktober dan 10 November 2020 dengan pendakwaan mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009, yang membawa hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Suhaili Sapun dan Wan Sharuddin Wan Ladin manakala Nor Azlan diwakili peguam Peter Tan; Mohd Hafizan diwakili Mohd Razak Sharif dan Abdul Latif diwakili S Vijaya. Mohammad Sofyan pula tidak diwakili peguam.

Hakim memerintahkan Nor Azlan dan Mohd Hafizan masing-masing diberi jaminan RM7,000 manakala, Abdul Latif RM8,000 serta Mohammad Sofyan RM5,000.

***Mahkamah turut menetapkan 29 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi penyerahan dokumen.***



EMPAT pegawai penguat kuasa Maqis dan seorang pengurus syarikat logistik dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan berkaitan kes kartel daging di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | SINAR HARIAN | MAHKAMAH & JENAYAH | 22 |

# 4 pegawai Maqis didakwa

## Seorang pengurus syarikat turut didakwa kes kartel daging sejuk beku

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

JOHOR BAHRU



Abdul Latif (tengah) diiringi pegawai SPRM sewaktu hadir di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, pada Ahad.

Empat penolong pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan seorang pengurus syarikat logistik didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Ahad atas 10 pertuduhan rasuah berkaitan kes kartel daging sejuk beku antara Disember 2016 hingga Disember tahun lalu.

Bagaimanapun, dua pegawai Maqis, Nor Azlan Mat Suki, 40, dan Mohd Hafizan Khalid, 44, serta Pengurus Syarikat QFF Logistics Sdn Bhd, Abdul Latif A Rahman, 55, mengaku tidak bersalah.

Dua lagi tertuduh yang juga pegawai Maqis iaitu Khairul Izat Sulaiman, 31, dan Mohammad Sofyan Mohd Zain, 27, mengaku bersalah sebaik sahaja pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Tertuduh, Nor Azlan Mat Suki, 40, berdepan lima pertuduhan menerima rasuah daripada seorang individu berusia 37 tahun, berjumlah RM35,000 sebagai upah melepaskan 40 kontena antara Februari hingga April tahun 2017 di sebuah restoran di Nusajaya, di sini yang membawa daging sejuk beku milik Syarikat ZS Armin Sdn Bhd dari negara yang tidak diiktiraf oleh Jabatan Veterinar Malaysia.

Tertuduh, Mohd Hafizan Khalid, 44, pula berdepan satu pertuduhan menerima rasuah daripada individu yang sama, berjumlah RM2,500 sebagai upah untuk melepaskan sebuah kontena yang membawa daging sejuk beku milik syarikat sama dari negara yang tidak diiktiraf pada Disember 2016.

Kedua-duanya telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mengikut mana yang lebih tinggi.

Sementara itu, Pengurus Syarikat QFF Logistics Sdn Bhd, Abdul Latif A Rahman, 55, pula mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan pilihan terhadapnya.

Dia didakwa telah memalsukan dua dokumen Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport dengan menggunakannya sebagai tulen bagi Syarikat LY Frozen Sdn Bhd pada 5 Oktober dan 9 November 2020 di Wisma Kastam Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah, di sini.

Dia didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun yang sama, jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Sementara itu, Khairul Izat dan Mohammad Sofyan pula mengaku bersalah atas pertuduhan gagal melaporkan pemberian sogokan, masing-masing RM100 dan RM30 daripada Abdul Latif sebagai ejen penghantaran QFF Logistic Sdn Bhd bagi mempercepatkan proses pemeriksaan dokumen dan fizikal konsainan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | NEW STRAITS TIMES | COURTS | 10 |

MACC ACT

# FOUR MAQIS OFFICERS CHARGED

Two claim trial while two others plead guilty in meat cartel case

RIZALMAN HAMMIM
**JOHOR BARU**
news@nst.com.my



*Four Malaysian Quarantine and Inspection Services Department enforcement officers arriving at the Johor Baru Sessions Court to be charged yesterday.* PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

FOUR Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (MAQIS) enforcement officers, along with a manager of a logistics company, were charged at the Sessions Court here over the meat cartel case.

Nor Azlan Mat Suki, 40, pleaded not guilty to five charges of receiving a total of RM35,000 as inducements to release 40 containers carrying frozen meat belonging to Syarikat ZS Armin Sdn Bhd from countries not recognised by the Veterinary Services Department (VSD).

He was accused of committing the offences between February and April 2017 at a restaurant in Iskandar Puteri.

He was charged under Section 16(a)(B) of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009, which is punishable under Section 24(1) of the same Act.

Nor Azlan, who was represented by counsel Peter Tan, was granted a RM7,000 bail with one surety, and mention was fixed for June 29.

Mohd Hafizan Khalid, 44, pleaded not guilty to a charge of receiving RM2,500 as an inducement to release a container carrying frozen meat belonging to Syarikat ZS Armin Sdn Bhd from countries not recognised by VSD.

He was accused of committing the offence at a restaurant here in December 2016.

Hafizan, who was represented by counsel Mohd Razak Sharif, was charged under Section 16(a)(B) of the MACC Act 2009, which is punishable under Section 24(1) of the same Act.

His bail was set at RM7,000 with one surety, and mention is fixed on June 29.

Two other MAQIS personnel pleaded guilty to the charge of failing to report to MACC after receiving bribes.

Khairul Izat Sulaiman, 31, and Mohammad Sofyan Mohd Zain, 27, were accused of failing to report to MACC after receiving RM100 and RM30 respectively from Abdul Latif A. Rahman as an inducement to expedite the physical and document inspection of a consignment.

They were accused of committing the offence at the MAQIS office at the Sultan Abu Bakar Complex on Nov 10 and Oct 5, 2020, respectively.

Both accused, who were unrepresented, were charged under Section 25(1) of the MACC Act 2009, which is punishable under Section 25(2) of the same Act.

Khairul Izat was fined RM1,500, or a month in jail if he fails to pay the fine. Sentencing for Sofyan was fixed for June 29 so he could appoint a lawyer.

His bail was set at RM5,000 with one surety.

Also charged was Abdul Latif A Rahman, the manager of a logistics company.

He pleaded not guilty to two charges of submitting import declaration forms containing false information on behalf of Syarikat LY Frozen Sdn Bhd to a Customs officer.

He was accused of committing the offences on Oct 5 and Nov 9, 2020, at Wisma Kastam, Port of Tanjung Pelepas.

He was charged under Section 18 of the MACC Act 2009, which is punishable under Section 24(2) of the same Act.

He faces two alternative charges of submitting false import document on behalf of Syarikat LY Frozen Sdn Bhd for the two offences.

The alternative charges are under Section 471 of the Penal Code and punishable under Section 465 of the same Code.

Bail for Latif, who was represented by counsel A. Vijaya, was set at RM8,000 with one surety, and mention is fixed for June 29.

Deputy public prosecutors Wan Shaharuddin Wan Ladin and Suhaili Sapun appeared for the prosecution.

The proceedings were conducted before judge Datuk Ahmad Kamal Arifin Iamail.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | THE STAR | NATION | 7 |

# Five charged with graft in meat cartel case

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: Four Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) assistant enforcement officers and a logistics company owner were charged at the Sessions Court here for allegedly being involved in a meat cartel between 2016 and December last year.

The four officers were Mohd Hafizan Khalid, 44, Nor Azlan Mat Suki, 40, Mohammad Sofyan Mohd Zin, 27, and Khairul Izat Sulaiman, 31.

The company owner was Abdul Latif A. Rahman, 55. All five were charged before Sessions Judge Ahmad Kamal Arifin Ismail here yesterday.

Mohd Hafizan was accused of receiving RM2,500 in cash from an individual as inducement to release a container of imported frozen meat from a country that did not have approval from the Veterinary Department, in December 2016.

Nor Azlan, who is facing five charges, was accused of accepting bribes amounting to RM37,000 between February and March, 2017, as inducement to release 40 containers of imported frozen meats from an unapproved source country.



**Day in court:** The Maqis officers being brought by MACC officers to the Johor Baru Sessions Court.

Mohd Hafizan and Nor Azlan were charged under the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009. The duo, who were represented by lawyers Mohd Razak Sharif and Peter Tan, claimed trial to the charges.

If convicted, they face imprisonment of up to 20 years, a fine of not more than five times the graft amount or RM10,000, whichever is higher.

Meanwhile, Abdul Latif claimed trial to two charges under the MACC Act 2009 for allegedly submitting documents with false information on Oct 5 and Nov 9 last year.

If convicted, he faces imprisonment of up to 20 years, fine of not more than five times the graft amount or RM10,000, whichever is higher.

The accused, who was rerepresented by lawyer S. Vijaya, also faced two optional charges for the same offences under the Penal Code. If convicted, he faces imprisonment of not more than two years, a fine or both.

Ahmad Kamal set bail at RM7,000 each with one surety for Mohd Hafizan and Nor Azlan while bail for Abdul Latif was set at RM8,000 with one surety. He was also ordered to hand over his passport to the court.

Meanwhile Mohammad Sofyan and Khairul Izat, pleaded guilty to accepting RM30 and RM100 on Oct 5 and Nov 10, 2020, respectively to accelerate the document and consignment physical inspection.

Mohammad Sofyan was unrepresented, while Khairul Izat, was represented by lawyer S. Selvam.

Khairul Izat was fined RM1,500 in default one month imprisonment. He paid the fined.

However, the judge advised Mohammad Sofyan to appoint a lawyer and set bail at RM5,000 with one surety.

MACC prosecution officers Wan Shaharuddin Wan Ladin and Suhaili Sapun prosecuted the case.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | BERIT HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Pegawai perikanan dituduh terima suapan RM31,425

**Kota Bharu:** Seorang pegawai perikanan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, terhadap lima pertuduhan mendapat suapan berjumlah RM31,425, daripada sebuah syarikat milik adik iparnya, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Rafi Hasan, 56, mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor.

Pertuduhan pertama, dia sebagai Ketua Cawangan Akuakultur di Pejabat Perikanan Negeri Kelantan didakwa menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan, apabila meluluskan pesanan kerajaan kepada YY Indah Enterprise dimiliki adik iparnya bagi membekal dan menghantar benih 1,000 ikan kerapu hibrid bernilai RM6,900 pada 22 Januari 2019.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan atas nama pembekal sama, bagi membekal dan menghantar hormon pembiakan ikan ke Pusat Pengembangan Akuakultur Machang dengan nilai RM7,500, pada 31 Januari 2019.

Pertuduhan ketiga, lelaki itu didakwa mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan atas nama pembekal sama, bagi membekal makanan hidup kepada rega ikan ternakan (Artemia) bernilai RM15,800, 27 Mac 2019.

Pertuduhan keempat dan kelima, dia didakwa mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan kepada pembekal sama, bagi membekal hormon overprim kepada penternak ikan air tawar bernilai RM725 pada 4 April 2019 serta makanan ikan artemia international kadar penetasan 80 peratus berat 425 gram kepada penternak ikan hiasan di Kota Bharu bernilai RM500, 16 April 2019.

Bagi semua pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nor Hamizah Ghazali memohon tertuduh dijamin RM10,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin.

Peguam Cheah Foh Loon yang mewakili tertuduh memohon jaminan RM6,000 bagi semua pertuduhan dan tertuduh hadir melaporkan diri di pejabat SPRM setiap 1 hari bulan. Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM6,000 dan menetapkan 7 Julai sebutan semula kes.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | SINAR HARIAN | MAHKAMAH & JENARAH | 22 |

# Pegawai perikanan dituduh salah guna kuasa

**KOTA BHARU** - Seorang Pegawai Jabatan Perikanan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad atas lima pertuduhan salah guna kuasa.

Tertuduh, Mohd Rafi Hassan, 56, didakwa mendapatkan suapan dengan meluluskan pesanan kerajaan atas nama syarikat adik iparnya membabitkan urusan pembekalan makanan ikan, hormon ikan dan benih ikan kerapu yang bernilai RM31,425, dua tahun lalu.

Dia didakwa di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menggunakan jawatan sebagai Ketua Cawangan Akuakultur Pejabat Perikanan Kelantan untuk mendapatkan suapan apabila meluluskan pesanan kerajaan atas nama pembekal syarikat adik iparnya, YY Indah Enterprise bagi membekal dan menghantar 1,000 ekor ikan kerapu hibrid bernilai RM6,900 pada 22 Januari 2019 di Pejabat Perikanan Kelantan.

Kedua, tertuduh dituduh atas kesalahan sama membabitkan dakwaan meluluskan pesanan kerajaan bagi membekal dan menghantar hormon pembiakan ikan - hormon ovaprin 10 mililiter bernilai RM7,500 ke Pusat Pengembangan Akuakultur Machang pada 31 Januari 2019.

Ketiga, bagi tuduhan meluluskan pesanan kerajaan bagi membekal makanan ikan hidup kepada Rega Ikan Ternakan (Artemia) bernilai RM15,800 pada 27 Mac 2019.

Keempat, tertuduh didakwa meluluskan pesanan kerajaan bagi membekal dan menghantar hormon overprim bernilai RM725 kepada seorang penternak ikan air tawar pada 3 April 2019.

Sementara tuduhan kelima dia meluluskan pesanan kerajaan membekal makanan ikan Artemia International Kadar Penetasan 80 peratus kepada seorang penternak ikan hiasan pada 3 April 2019.


Tertuduh (kiri) dibawa keluar dari lokap Mahkamah Kota Bharu pada Ahad.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | NEW STRAITS TIMES | NATION | 13 |

**APPROVING TENDERS**

# Fisheries officer claims trial to bribery



*Mohd Rafi Hassan being taken to the Sessions Court in Kota Baru yesterday.* PIC BY NIK ABDULLAH NIK OMAR

**KOTA BARU:** A Fisheries Department officer was charged at the Sessions Court here yesterday with five counts of bribery involving RM31,425 from a company owned by his sister-in-law.

Mohd Rafi Hassan, 56, however, pleaded not guilty before judge Zaman Mohd Noor.

On the first charge, Rafi was accused of using his position as aquaculture branch chief at the Kelantan Fisheries Office to gain gratification by approving the tender to supply and deliver 1,000 grouper fry worth RM6,900 to YY Indah Enterprise, a company owned by his sister-in-law, on Jan 22, 2019.

On the second charge, he was accused of gaining gratification when approving the tender to the same company for the supply and delivery of fish hormones worth RM7,500 to Machang Aquaculture Centre on Jan 31, 2019.

For the third charge, he was accused of gaining gratification by approving the tender for the same supplier for the supply of brine shrimps for fish worth RM15,800 on March 27, 2019.

On the fourth and fifth charges, Rafi was accused of gaining gratification by approving a tender to the same supplier for the supply of fish hormones worth RM725 on April 4, 2019 and the supply of fish food worth RM500 on April 16, 2019.

He faces a maximum of 20 years' jail and a fine of not less than five times the amount or value of the gratification, whichever is higher.

Deputy public prosecutor Nor Hamizah Ghazali prosecuted the case while the accused was represented by Cheah Poh Loon. Zaman allowed the accused to be released on a RM6,000 bail with one surety.

He set July 7 for the case to be re-mentioned.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 22 |

# Tak mengaku ambil 'duit kopi'



MOHD Rafi (kiri) didakwa atas lima pertuduhan mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan berjumlah RM31,425.

**Kota Bharu:** Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap lima dakwaan mendapatkan suapan berjumlah RM31,425 daripada syarikat milik adik iparnya, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Rafi Hasan, 56, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor.

Mohd Rafi sebagai Ketua Cawangan Akuakultur di Pejabat Perikanan Negeri Kelantan didakwa menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan apabila meluluskan pesanan kerajaan kepada YY Indah Enterprise yang dimiliki adik iparnya bagi membekal dan menghantar benih 1,000 ekor ikan kerapu hibrid bernilai RM6,900 pada 22 Januari 2019.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan atas nama pembekal sama bagi membekal dan menghantar hormon pembiakan ikan ke Pusat Pengembangan Akuakultur Machang dengan nilai RM7,500 pada 31 Januari 2019.

Lelaki itu juga didakwa mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan atas nama pembekal yang sama bagi membekal makanan hidup kepada rega ikan ternakan (Artemia) bernilai RM15,800 pada 27 Mac 2019.

Dalam pertuduhan keempat dan kelima, tertuduh didakwa mendapatkan suapan meluluskan pesanan kerajaan kepada pembekal sama bagi membekal hormon overprim kepada penternak ikan air tawar bernilai RM725 pada 4 April 2019 serta makanan ikan Artemia International kadar penetasan 80 peratus berat 425 gram kepada penternak ikan hiasan di Kota Bharu bernilai RM500 pada 16 April 2019.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM Nor Hamizah Ghazali memohon tertuduh dijamin RM10,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# 4 nelayan cemas bot pukat tunda hampir karam

**ALOR SETAR:** Empat nelayan tempatan berdepan detik cemas apabila bot pukat tunda yang dinaiki mereka bocor dan hampir karam di kedudukan 5 nautika barat daya Kuala Kedah dekat sini, malam kelmarin.

Bagaimanapun, nelayan terbabit berjaya diselamatkan oleh anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Zon Maritim (Maritim Malaysia) Kuala Kedah yang bergegas ke tempat kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pada pukul 9.55 malam.

Menurut Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak, selepas mendapat maklumat tersebut, pihaknya telah menghantar anggota dengan menggunakan bot Perkasa 1226 ke lokasi kejadian.

Katanya, anggota Maritim Malaysia berjaya menemukan bot berkenaan pada pukul 10.48 malam dalam keadaan separuh tenggelam.

"Usaha menyelamatkan mangsa menghadapi sedikit kesukaran berikutan keadaan laut yang bergelora, namun semuanya dapat diselamatkan.

"Pada masa itu didapati hanya seorang mangsa sahaja memakai jaket keselamatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Noor Azreyanti, empat mangsa itu ialah tekong, Husin Mohammad, 49, dan awak-awak pula Romli Hassim, 65, Amran Abu Seman, 49, dan Omar Bakar, 56.

Katanya, semua mangsa kemudian dibawa balik ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah di sini untuk tindakan selanjutnya.



EMPAT nelayan yang terselamat selepas bot pukat tunda yang dinaiki mereka bocor dan hampir karam di kedudukan 5 nautika barat daya Kuala Kedah, Alor Setar, malam kelmarin. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24.05.2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# Projek udang jejas pendapatan nelayan

Oleh MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID
utusannews@mediamulia.com.my

**IPOH:** Kerajaan negeri digesa menghentikan aktiviti akuakultur kolam udang pesisir pantai berhampiran Kampung Sungai Betul Bawah, Tanjung Piandang di Kerian berkeluasan sekitar 200 ekar yang akan menjejaskan pendapatan nelayan

Setiausaha Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Azrilnizam Omar berkata, pihaknya menerima aduan berhubung cadangan aktiviti akuakultur di dalam hutan paya bakau di atas tanah milik Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) di kawasan tersebut.

Menurutnya, kawasan berkenaan merupakan sebahagian daripada hutan paya bakau laut di pesisir pantai berhampiran Kampung Sungai Betul Bawah.

"Projek ini akan menjejaskan mata pencarian komuniti nelayan pantai setempat yang terdiri daripada golongan B40.

"Aktiviti akuakultur kolam udang di dalam kawasan tersebut bukan sahaja merosakkan hutan paya bakau laut malah memusnahkan kawasan pembiakkan dan nurseri bagi hidupan laut seperti ikan, udang, ketam dan lain-lain," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, berdasarkan semakan pihaknya, Jaring, kawasan yang terletak berhampiran jeti nelayan itu tidak berada di dalam Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang diwartakan oleh kerajaan negeri.

Katanya, pelaksanaan aktiviti penternakan udang di kawasan itu juga di dapati bercanggah dengan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035 di mana aktiviti akuakultur yang dibenarkan hanya melibatkan penternakan ikan dalam sangkar, ikan hiasan dan juga kerang.

Menurut Azrilnizam, pelepasan air sisa kolam ternakan tersebut ke laut dan sungai yang sering kali berlaku akan membunuh hidupan laut di kawasan tersebut dan menjejaskan hasil tangkapan serta kehidupan komuniti nelayan pantai.

"Jaring menggesa praktis yang memusnahkan ekosistem hutan paya bakau laut dan menjejaskan mata pencarian nelayan pantai ini dihentikan segera.

"Kehidupan dan pendapatan komuniti nelayan pantai di sekitar Kampung Sungai Betul Bawah sudah cukup terjejas dengan pencemaran daripada aktiviti kolam udang yang sedia ada dan aktiviti pencerobohan oleh bot-bot pukat Apollo ke Zon A yang berleluasa," katanya.

Sementara itu, Azrilnizam meminta kerajaan negeri memberi perhatian terhadap isu pemilikan tanah oleh PPPNP di kawasan hutan paya bakau laut sekitar Perak di mana syarikat milik kerajaan (GLC) Perak itu dilihat seolah-olah bertindak sebagai broker.




**LOKASI cadangan aktiviti akuakultur kolam udang di dalam hutan payau bakau laut di di Kampung Sungai Betul Bawah, Tanjung Piandang, Kerian, Ipoh.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |



NOR Azizan Baharum (kiri) membantu ibunya, Fatimah Abu Bakar (tengah) di kebun kacang tanah mereka di Kampung Durian Bador, Hulu Terengganu. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

# 'Gelap pun gelaplah...'

Oleh NOOR HAYATI MAMAT
utusannews@mediamulia.com.my

**HULU TERENGGANU:** Pernah diusik akan berkulit gelap jika berkebun, namun itu tidak melunturkan semangat Nor Azizan Baharum, 29, untuk terus membantu ibunya mengusahakan tanaman kacang tanah setiap kali tibanya musim.

Nor Azizan berkata, pengalaman mengikuti ibunya, Fatimah Abu Bakar, 66, berkebun sejak kecil membuatkan dia tidak malu untuk bergelar petani sambilan di sebalik kerjaya hakiki sebagai pembantu tukang masak.

Katanya, kacang tanah lazimnya mula ditanam pada Februari setiap tahun dengan hasilnya dituai selepas tiga bulan.

"Jualan kacang tanah menjadi antara sumber pendapatan keluarga pada masa dulu dan masih diteruskan hingga kini sekurang-kurangnya dapat menambah kewangan.

"Pada musim kacang tanah tahun lalu, kami berjaya memperoleh kira-kira RM1,000 hasil jualan tanaman itu kepada komuniti setempat dan peraih," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Durian Bador, di sini baru-baru ini.

Menurut Nor Azizan, penjagaan kacang tanah tidak rumit berbanding tanaman lain dan usaha promosi turut dilakukan menerusi laman Facebook sekali gus bersyukur kerana masih mendapat permintaan walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sementara itu, Fatimah berkata, rutin menanam kacang tanah sejak lebih 30 tahun lalu masih diteruskan hingga kini bagi mengisi masa lapangnya di samping sebagai senaman.

"Suatu masa dahulu, kacang tanah cukup dikenali di daerah Hulu Terengganu kerana ramai orang kampung mengusahakan tanaman itu tetapi semakin kurang popular dan kerana anak-anak muda yang kurang minat bertani," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | HARIAN METRO | COVID-19 | 16 |




EIJAN menjual ikan dan hasil laut dalam talian secara Live di FB.

# Bida hasil laut dalam talian

**Kuala Lumpur:** Sekatan pergerakan dilaksanakan kerajaan untuk tempoh dan jarak tertentu turut memberikan tempias kepada peniaga konvensional supaya mengubah teknik pemasaran kepada platform dalam talian.

Tidak terkecuali peniaga ikan yang dahulu bergantung hampir 100 peratus kepada pelanggan untuk datang membeli secara terus di premis terutama sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan tahun lalu.

*Lock* atau bidaan untuk membeli ikan atau hasil laut di dalam talian oleh pelanggan kini sesuatu yang menyeronokkan bagi peniaga ikan, Norazimie Rezan Mohamad Noor, 29, atau lebih mesra dipanggil Eijan.

Dia mendapat idea menjual ikan dan hasil laut di Facebook (FB) Live selepas PKP tahun lalu dengan menggunakan jenama Hasil Laut Sekinchan Kak Omel.

"Sekarang zaman semua urusan atas talian. Kadang-kadang kita kena cuba benda yang baharu supaya tak tertinggal ke belakang.

"Niat adalah untuk memudahkan orang lain mencari ikan dan hasil laut segar. Lebih-lebih lagi waktu PKP dan penularan Covid-19 masih tinggi, ramai memang mengelak bersesak di luar.

"Jadi bagi saya, inilah waktu yang terbaik untuk menyediakan perkhidmatan memudahkan barangan asas makanan khususnya hasil laut sampai ke setiap pintu rumah pengguna," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Ditanya apakah perasaan kali pertama ke udara secara langsung di FB menjual produk jualannya, beliau mengakui malu dan gugup.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24.05.2021 | NEW STRAITS TIMES | NEWS IN BRIEF | 15 |

# GOF: 60,000kg of smuggled rice seized last year

**KOTA BARU:** The General Operations Force (GOF) seized nearly 60,000kg of smuggled rice worth more than RM700,000 in a series of operations along the Kelantan border. GOF Southeast Brigade commander Senior Assistant Commissioner Hasan Basri Ahmad Safar said the rice was seized last year, including from stores belonging to rice traders. He said the rice was also seized near the many illegal jetties along the border. "GOF recorded 179 cases of rice seizures last year involving various types of rice coming from the neighbouring country. During the period, 51 people, including seven women, were detained for possessing the smuggled items." He said GOF also seized 123 vehicles. It is learnt that smugglers of the rice acted as the eyes and ears of syndicates in keeping track of the authorities.